

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK
MOHAMAD [PASIR PUTIH]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Y.Bhg. Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Putih] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah aktiviti cari-gali minyak di persisir pantai Kelantan dijalankan memandangkan harga pasaran minyak dunia jatuh. Adakah kerja-kerja cari-gali ini menguntungkan Kerajaan dan rakyat Malaysia.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua lapangan minyak dan gas di Semenanjung Malaysia tidak dikenalpasti mengikut mana-mana persempadanan negeri memandangkan lokasi lapangan-lapangan ini berada melebihi 3 batu nautika dari pesisir pantai dan tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan selaras dengan Akta Laut Wilayah 2012.

Bagi menghadapi pasaran harga minyak yang lemah, PETRONAS telah menggariskan beberapa langkah melalui perbelanjaan berhemah dalam menguruskan pembiayaan modal dan operasi. Ini termasuk pengurangan perbelanjaan modal (CAPEX) sehingga 15% dan pengurangan perbelanjaan operasi (OPEX) di dalam lingkungan 15% sehingga 30% bagi aktiviti-aktiviti carigali minyak.

Usaha-usaha cari gali di persisiran pantai Semenanjung Malaysia telah berjaya di dalam membantu memastikan jaminan bekalan minyak dan gas negara secara berterusan dan langkah ini adalah menguntungkan negara. Setakat 1 Januari 2015, penemuan sumber di Malaysia adalah dianggarkan berjumlah 23.2 billion tong minyak setara (Billion Barrel of Oil Equivalent (BBOE)). Jumlah sumber bagi minyak mentah dan kondensat berada pada takat 6.0 billion tong minyak (Billion Stock-Tank Barrels (BSTB)) manakala bagi gas asli, jumlah sumber adalah sebanyak 17.3 BBOE bersamaan dengan 103.9 Trillion Standard Cubic Feet (TSCF).

Kadar pengeluaran harian domestik bagi tempoh berakhir 30 Jun 2015 adalah sebanyak 1,732.3 ribu tong minyak setara (KBOE) (Minyak dan kondensat: 688.2 KBOE, gas asli: 1,044.1 KBOE)

Ini membuktikan kepentingan usaha berterusan dalam cari gali minyak secara berdaya maju berasaskan penggunaan teknologi dan kos yang optimum. Dalam hubungan ini, projek-projek cari gali yang kompetitif dan mempunyai daya saing yang tinggi akan diberi lebih keutamaan untuk pelaburan di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.